



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA,
PEJABAT PENGARAH NEGERI PERAK,
MENARA HASIL,
NO. 128 JALAN TAMBUN,
PETI SURAT 250,
30906 IPOH, PERAK.

Telefon : 05-5407888
Faks : 05-5465471

Homepage LHDNM : <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : LHDNM.PN.A/193/21
Tarikh : 11 Mac 2014

Mr Chak Kong Keong
Pengerusi
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM) Cawangan Perak
d/a Syarikat Chak Sdn. Bhd.
72 Jalan Market
30000 Ipoh

Tuan,

**JEMPUTAN MENGHADIRI DIALOG ISU-ISU OPERASI DAN TEKNIKAL DI ANTARA LEMBAGA
HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM) DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN DAN
PENGAMAL PERCUKAIAN PERINGKAT NEGERI PERAK 2014**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Perak akan menganjurkan program dialog isu-isu operasi dan teknikal seperti butiran berikut :-

Tarikh : 17 April 2014 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Dewan Hasil Tingkat 8
Menara Hasil Ipoh
Atur Cara : Seperti di Lampiran A

HASiL
www.hasil.gov.my

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

3. Sebagai makluman, objektif program dialog pada kali ini akan antara lain memberi fokus dalam mencapai kesepakatan dan penyelesaian kepada isu-isu atau permasalahan berkaitan operasi dan teknikal percukaian yang dihadapi oleh kedua-dua pihak memandangkan kerjasama daripada persatuan akauntan dan pengamal percukaian melalui perkongsian pintar atau *Smart Partnership* adalah diperlukan dalam membantu meningkatkan tahap pematuhan di kalangan pembayar cukai.

4. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pihak tuan dapat menghantar **tiga puluh (30) orang peserta dari seluruh Negeri Perak** untuk menghadiri program dialog ini. Bagi memudahkan urusan pentadbiran, mohon kerjasama pihak tuan untuk kemukakan perkara-perkara berikut :-

- (i) pengesahan kehadiran dengan mengisi borang seperti di lampiran B selewat-lewatnya pada atau sebelum **03 April 2014 (Khamis)**; dan
- (ii) isu-isu atau permasalahan (sekiranya ada) berkaitan operasi dan teknikal percukaian dengan mengisi borang seperti di Lampiran C selewat-lewatnya pada atau sebelum **20 Mac 2014 (Khamis)**.

4. Semua maklumat-maklumat tersebut mohon dikemukakan kepada pihak urus setia seperti berikut :-

- (i) Puan Ting Suk Tin
Pengarah Bahagian Penyelarasan
Pejabat Pengarah Negeri LHDNM Perak
ting.suk.tin@hasil.gov.my
019-276 3049 / 05-540 7888 samb. 52212

(ii) Puan Nurul Haida Mohd Saad
Penolong Pengarah
Pejabat Pengarah Negeri LHDNM Perak
nurulhaida@hasil.gov.my
05-540 7870 / 05-540 7888 samb. 52716

5. Bersama-sama ini, disertakan lampiran-lampiran berikut untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya :-

- (i) Lampiran A - Atur cara program
- (ii) Lampiran B - Borang Pengesahan Kehadiran
- (iii) Lampiran C - Borang Isu-isu Operasi dan Teknikal

6. Kerjasama dan perhatian tuan dalam menjayakan program ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" BERSAMA MEMBANGUN NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



[TING SUK TIN]

Pengarah Bahagian Penyelarasan

Pejabat Pengarah Negeri Perak

b/p Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia

HASiL
www.hasil.gov.my

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA